

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 9, 2017 11:14 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: MPM Perlu Fikir Luar Kotak Jana Pendapatan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



09 FEBRUARI 2017 / 12 JAMADILAWAL 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

MPM PERLU FIKIR LUAR KOTAK JANA PENDAPATAN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) harus berfikir di luar kotak cara untuk mempelbagaikan penjana pendapatan.

Naib Canselor yang juga Pengerusi MPM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) adalah fungsi utama MPM yang menghasilkan pendapatan menerusi yuran STPM.

Menurutnya, hasil tersebut digunakan bagi pembayaran gaji dan mengurus sumber MPM, bagaimanapun hari ini terdapat perubahan dinamika.

Katanya, dahulu STPM adalah punca dana kepada MPM tetapi kini sudah ada peperiksaan yang akan menggantikannya.

"Dalam analisis SWOT, STPM berada dalam kedudukan mencabar berbanding Malaysian University English Test (MUET), satu potensi perbandingan yang lebih besar.

"Hari ini, MUET sudah mengatasi STPM dari segi pendapatan MPM apabila MUET menyumbang lebih besar berbanding STPM," katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPM 2016, semalam.

Beliau berkata, sebagai inisiatif baharu, Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warganegara Asing (SKBMW) telah diperkenalkan namun masih belum meluas kepada warga asing.

Ujarnya, SKBMW adalah penanda aras kecekapan MPM.

"Di Malaysia, terdapat kira-kira 2 juta warga asing yang berdaftar dan 5 juta atau lebih yang tidak berdaftar.

"Justeru, warga MPM perlu berfikir secara di luar kotak untuk konsisten dalam menjana pendapatan menerusi MUET, SKBMW dan STPM," katanya.

Selain itu, ujarnya, dalam usaha mengembangkan Accreditation Prior to Experiential Learning (APEL), beberapa usaha turut diambil bagi mengenalpasti potensinya.

Naib Canselor berkata, untuk menjana pendapatan itu juga MPM perlu menubuhkan anak syarikat bagi menjalankan perniagaan.

Katanya, pengurusan perlu mempunyai rancangan untuk jangka pendek dan masa panjang untuk menjana pendapatan itu.

Menurutnya, MPM mesti selalu membuat 'reality check' dan tidak menunggu sesuatu berlaku baru hendak bertindak.

"Rancang dari awal walaupun sampai ke angkasa dan tanam sikap mesti ada deria bertindak segera serta kepantasan itu penting.

"Semua tahu 9 daripada 10 punca rezeki adalah melalui perniagaan, jadi MPM harus berniaga dan bincang dengan pengurusan tentang bidang perniagaan yang anak syarikat boleh buat," ujarnya.

Menurutnya lagi, hijrah adalah satu peluang untuk melakukan transformasi menjadi lebih maju.

Kata Naib Canselor, MPM perlu persiapan rapi untuk mempelbagaikan sumber supaya MPM berdaya tahan, tangkas, fleksibel dan mampu hidup.

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada warga MPM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini.

"Orang yang sentiasa bersyukur dan positif serta redha apabila menerima ketentuan, Allah puji," katanya.

Sebanyak tiga kategori anugerah disampaikan iaitu Anugerah Khidmat Setia MPM, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Insentif.

Hadir sama Ketua Eksekutif MPM, Mohd Fauzi Mohd Kassim dan pegawai-pegawai MPM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.